

Bola Sepak IPT Borneo: UMS tundukkan KKT 3-0

UB 14.5.2013 A14

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memulakan cabaran dengan langkah kanan apabila menewaskan Kolej Komuniti Tawau (KKT) 3-0 pada saingan Liga Bola Sepak Institusi pengajian Tinggi (IPT) Divisyen Borneo di Stadium UMS penghujung minggu lalu.

Kesemua gol UMS tersebut dijarangkan pada separuh masa pertama dan Muhammad Fuad Mamat muncul wira dengan dua jaringan pada minit ke-25 dan 36.

Sebelum itu, A Habbibbbi Ambo meletakkan UMS 1-0 di hadapan pada minit ke-21.

Pada persaingan itu, UMS turut diperkuatkan pemain

dari Turki, Abdurrahman Burak Celik dan pemain dari Tanzania, Muhammad Ali yang merupakan pelajar antarabangsa UMS.

Skuad UMS dibimbing David Johnny @ Mohd Ayman selaku ketua jurulatih dan dibantu oleh Mohd Faizal Marjus, Jerry Suning dan Razeki Rashid.

UMS akan meneruskan cabaran menentang UiTM Sarawak (17 Mei) dan Politeknik Mukah (19 Mei), kedua-duanya di Stadium UMS sebelum bertandang ke negeri jiran Sarawak menghadapi Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Stadium Unimas pada 24 Mei.



BARISAN skuad bola UMS merakanmkan gambar kenangan bersama pengerusi pasukan.